

KESAHAN ITEM DALAM GAGASAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN SOAL SELIDIK PERAMAL FAKTOR OBESITI

Validity and Reliability of Obesity Factor Predictors Questionnaires

¹Zarizi Ab Rahman (PhD), ²Jamaliyah Ahmad, Zulkarnain Ali, & ³Hafidzah Khafiz
^{1,2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
¹zek1393@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehppercayaan Instrumen Soal Selidik Peramal Faktor Obesiti dalam kalangan pelajar berumur 13 dan 14 tahun di daerah Klang, Selangor. Kajian ini menggunakan seramai 142 pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Sebanyak 84 item soal selidik telah dibina yang mewakili 12 konstruk iaitu efikasi sendiri, kecekapan motor, kecergasan fizikal, pengetahuan, tingkah laku sedentari, tingkah laku pemakanan, persekitaran keluarga, persekitaran komuniti, persekitaran sosio ekonomi, media dan sekolah. Analisis faktor menunjukkan hanya 58 item mewakili 11 konstruk telah diterima. Manakala nilai Alpha Cronbach pula menunjukkan pekali kebolehpercayaan kesemua konstruk ialah antara $\alpha = .68$ hingga $\alpha = .89$. Sehubungan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Instrumen Soal Selidik Peramal Faktor Obesiti mempunyai kesahan dan kebolehppercayaan dalam populasi yang dikaji.

Kata kunci: obesiti, kebolehppercayaan, kesahan, indeks jisim tubuh, prevalen.

ABSTRACT

The purpose of this study was to obtain the validity and reliability of obesity factor predictors questionnaires among students aged 13 and 14 in the district of Klang, Selangor. This study was conducted among 142 subjects from Klang, Selangor. A total of 84 items were constructed representing 12 main constructs: self efficacy, motor competences, physical fitness, knowledge, sedentary behavior, nutritional behavior, physical activity behaviors, family environment, community environment, socioeconomic environment, media, and school. The factor analysis showed that only 58 items were valid under 11 main constructs. The Alpha Cronbach value shows that all the constructs have high reliability between $\alpha = .68$ to $\alpha = .88$. While the Alpha Cronbach value of the whole questionnaire for obesity factor is $\alpha = .89$, hence, the findings of this study show that the instruments have validity and reliability in the population studied

Keywords: obesity, reliability, validity, body mass index, prevalence

PENDAHULUAN

Obesiti merupakan lebihan pengumpulan lemak tubuh yang memberi kesan negatif kepada individu. Kadar obesiti telah melanda semua golongan dan terus meningkat. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2013), peningkatan ini dapat dilihat sejak tahun 1980 iaitu daripada 857 juta kepada 2.1 bilion pada tahun 2013. Dianggarkan 10 peratus kanak-kanak sekolah di seluruh dunia mengalami berat badan yang berlebihan

dengan satu daripada empat adalah obes (Lobstein, Baur & Uauy 2004) dan 31.1 peratus remaja Amerika Syarikat yang berumur 6 hingga 19 tahun obes (Hedley, Ogden, Johnson, Carroll, Curtin, & Flegal, 2004). Di Malaysia, obesiti berada pada tahap yang membimbangkan. Antara tahun 2001 dan 2002, 10.5 peratus dan 5.9 peratus kanak-kanak sekolah yang berumur antara enam hingga 12 tahun mengalami berat badan yang berlebihan dan obes (Ismail, Norimah, Ruzita, Mazlan, Poh, Nik Shanita S, Nur Zakiah, dan Roslee R 2001, 2002). Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi (NHMS) pada tahun 2006 menunjukkan terdapat peningkatan kadar bagi berat badan berlebihan kepada 15.9 peratus dan 12.0 peratus obes bagi kumpulan umur yang sama (Institut Kesihatan Umum, 2008). Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi (NHMS) pada tahun 2011 pula mendapati kanak-kanak dan remaja yang berumur 8 tahun ke bawah 3.9 peratus (0.3 juta) obes dan 27.2 peratus (4.4 juta) 18 tahun ke atas menghadapi masalah obesiti (Institut Kesihatan Umum, 2013). Pada kebiasaannya, kanak-kanak yang obes cenderung untuk menjadi dewasa yang obes (Dehghan, Akhtar-Danesh & Merchant, 2005). Ini merupakan satu gambaran yang menakutkan kerana generasi akan datang bakal terdiri daripada individu yang obes dan secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya peningkatan bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit.

PERNYATAAN MASALAH

Statistik dari dalam dan luar negara telah menggambarkan kadar obesiti sebagai satu krisis dalam bidang kesihatan awam yang telah melanda dunia. Obesiti bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap status kesihatan, psikologi, dan kesejahteraan hidup masyarakat tetapi ianya juga memberi kesan kepada ekonomi negara dengan peningkatan kos pencegahan, diagnostik, dan rawatan terhadap penyakit-penyakit tidak berjangkit yang berpunca dari obesiti. Kesan negatif akibat obesiti mendorong penyelidik-penyelidik dalam bidang ini memberi perhatian dalam kajian berkaitan faktor prevalen, langkah pencegahan, intervensi dan kesan prevalen obesiti. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Rosnah bt Abd Rashid Shirlin telah mengarahkan pelajar sekolah yang didapati mengalami obesiti perlu dirujuk ke klinik kesihatan untuk diberikan kaunseling mengenai pemakanan, melarang penjualan minuman berkarbonat dan makanan mengandungi gula berlebihan di kantin sekolah, dan mewajibkan Indeks Jisim Tubuh (IJT) pelajar direkodkan dalam kad laporan prestasi masing-masing (Berita Harian, 23/4/2011). Ini jelas menunjukkan bahawa langkah pencegahan obesiti perlu bermula sejak di awal usia lagi supaya kanak-kanak dan remaja membesar tanpa menjadi orang dewasa yang obes. Langkah-langkah pencegahan yang efektif dan menyeluruh perlu dirangka berasaskan faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada prevalen obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Dapatan daripada kajian-kajian lepas samada dalam atau luar negara telah mendapati pelbagai faktor yang berkait rapat dengan prevalen obesiti yang meliputi faktor tidak menjalani aktiviti fizikal secara aktif, pengaruh sosio ekonomi, gaya hidup, tingkah laku pemakanan, persekitaran fizikal dan sosial, genetik, tingkah laku sedentari, pengaruh ibubapa, rakan, media, dan faktor personal (Yen, Chen & Eastwood 2009; Chee, Zawiah, Ismail, & Ng, 1996; Niemeier, Raynor, Lloyd-Richardson, Rogers, & Wing, 2006; Rosenheck, 2008; Bahreynian, Paknahad, & Maracy, 2013; Knol, Haughton & Fitzhugh 2005; Hardy, Wilson, Thrift, Okely & Baur, 2010; Diez Roux, 2003; Raine, 2005; Chivers, 2011; Sakinah, Seong-Ting, Rosniza & Jayah 2012). Namun begitu Chivers (2011) melaporkan kebanyakan penyelidik dalam bidang obesiti gagal mengenalpasti faktor yang paling dominan menyumbang kepada prevalen obesiti.

Sebahagian besar kajian yang dilakukan di Malaysia untuk mengenal pasti faktor obesiti hanya memfokuskan kepada sebilangan faktor sahaja tanpa mengintegrasikan faktor-faktor peramal obesiti secara bersepadu (Sidik & Ahmad, 2004; Chong, Soo, & Rasat, 2012; Fadzlina, Harun, Haniza, Al Sadat, Murray, Cantwell, Su, Abdul Majid, & Jalaludin, 2014). Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia, kebanyakannya telah menggunakan instrumen-instrumen yang sedia ada untuk mengukur pemboleh ubah tidak bersandar seperti *Child Feeding Questionnaire* (CFQ), *Determinants of Adolescents' Social Well-being and Health Questionnaire* (DASH), (Serene, Tung, Shamarina, dan Mohd Nasir, 2012; Norazawati, & Lee, 2012), *Physical Activity Questionnaire* (PAQ), (Teo, Nurul-Fadhilah, Aziz, Hills, & Foo, 2014), dan *Eating*

Behaviour Questionnaire (EBQ), (Rezali, Chin, dan Mohd Yusof 2012). Sehingga kini tidak ada satu instrumen khas yang mengukur pelbagai peramal faktor obesiti dalam kalangan remaja di Malaysia. Walaupun instrumen peramal faktor obesiti telah dibangunkan di luar negara tetapi perbezaan persekitaran, budaya, corak pemakanan, dan sistem persekolahan mungkin menjejaskan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membangunkan instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks populasi remaja di negara Malaysia. Instrumen yang dibangunkan berdasarkan populasi remaja di Malaysia akan menghasilkan kesahan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi berbanding dengan menggunakan instrumen yang diterjemahkan daripada luar negara. Ini kerana beberapa faktor peramal obesiti dalam kalangan remaja di luar negara mungkin berbeza dengan remaja dalam negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan kesahan item-item dalam gagasan peramal faktor obesiti dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Klang, Selangor yang berumur antara 13 hingga 14 tahun.
- ii. Menentukan kebolehpercayaan instrumen peramal faktor obesiti dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Klang, Selangor yang berumur 13 hingga 14 tahun.

KAJIAN LITERATUR

Perubahan sosio ekonomi yang pesat di negara-negara maju dan membangun telah memberi kesan kepada perubahan gaya hidup (Caballero, 2001; Drewnowski & Popkin, 1997). Gaya hidup, pengetahuan berkaitan kesihatan, polisi sosial, ciri-ciri kejurangan antara beberapa faktor asas menyebabkan berlakunya epedemik obesiti di seluruh dunia (Yen, Chen & Eastwood 2009). Berdasarkan kajian literatur, dapat disimpulkan bahawa faktor obesiti adalah merangkumi faktor tingkah laku, persekitaran, dan individu.

Faktor tingkah laku

Tingkah laku pemakanan, sedentari, dan aktiviti fizikal sering dikaitkan dengan obesiti dalam kalangan remaja. Corak dan tabiat pemakanan yang tidak baik antara penyumbang utama kepada lebih lemak badan (Chee, Zawiah, Ismail, & Ng, 1996). Pengambilan makanan yang berlebihan disertai dengan kekurangan dalam aktiviti fizikal menyebabkan terhasilnya ketidakseimbangan tenaga yang memberi implikasi kepada peningkatan berat badan. Perubahan dalam struktur pemakanan melibatkan pengambilan makanan yang tinggi lemak dan karbohidrat terolah atau pun lebih dikenali sebagai *western diet* (Popkin, 2001) telah melanda seluruh dunia. Knol, Haughton, dan Fitzhugh (2005), telah mendapati terdapat hubungan yang positif antara makanan manis, snek, dan kualiti pemakanan yang rendah dengan kanak-kanak dan remaja dengan obesiti. Risiko terhadap obesiti menjadi semakin serius dengan kekurangan dalam aktiviti fizikal. Panduan Aktiviti Fizikal daripada Australia mencadangkan remaja yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun perlu menjalani aktiviti fizikal sekurang-kurangnya 60 minit sehari yang berintensiti sederhana hingga tinggi (*Department of Health & Ageing*, 2004). Aktiviti fizikal secara konsisten merupakan komponen penting dalam mewujudkan keseimbangan tenaga, dan ianya merupakan satu-satunya kaedah yang berupaya membakar kalori bagi mengelakkan risiko peningkatan berat badan dan obesiti. Tahap penglibatan yang rendah dan tidak memenuhi standard yang ditetapkan ini akan meningkatkan risiko kepada penambahan berat badan dan penyakit-penakit kronik yang lain.

Tingkah laku sedentari sering dirujuk sebagai aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga yang sedikit (Hamilton, Hamilton & Zderick, 2007) seperti duduk dalam tempoh yang lama di tempat kerja, di rumah, atau pada masa lapang. Kadar penggunaan tenaga di kenali sebagai *metabolic energy equivalent*

(METs). 1METs bersamaan dengan pembakaran kalori sebanyak 1kcal bagi setiap kilogram berat tubuh untuk setiap jam (*Scientific Advisory Committee on Nutrition* , 2011). Di antara contoh tingkah laku sedentari ialah menonton televisyen dan menggunakan komputer yang hanya menggunakan tenaga dalam lingkungan 1.0 hingga 1.5 METS (Ainsworth, Haskel, Whitt, Irwin, Swartz, Strath, O'brien, Basset, Scmitz, Patricia, Jacobs, & Leon, 2000). Dapatan daripada kajian terdahulu menunjukkan obesiti mempunyai perkaitan dengan masa skrin (Hardy, Wilson, Thrift, Okely & Baur, 2010 ; Mark dan Janssen 2008) yang merangkumi menonton televisyen dan menggunakan komputer (Mark & Janssen; 2008). Menonton televisyen merupakan aktiviti tingkah laku sedentari yang utama di Amerika Syarikat. Kanak-kanak dan remaja yang berumur 8 hingga 18 tahun lebih berminat menggunakan komputer yang memiliki akses internet berbanding dengan menonton televisyen (Rideout, Foehr, & Roberts 2009). Situasi seperti ini memberi gambaran bahawa penggunaan komputer yang mempunyai akses internet merupakan satu keutamaan bagi remaja masa kini, walaupun mereka mungkin terpaksa mengorbankan masa lapang untuk menjalani aktiviti rekreasi. Penggunaan komputer dan internet juga dapat disimpulkan sebagai satu aktiviti yang menggantikan aktiviti-aktiviti lain dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja pada masa kini.

Faktor persekitaran

Persekitaran fizikal merupakan suatu tempat yang dibina oleh manusia, yang merangkumi kawasan persekitaran bangunan, infrastruktur pengangkutan, laluan pejalan kaki, kejiranan, sumber pemakanan, dan kemudahan rekreasi di mana masyarakat tinggal, bekerja, belajar, makan, dan bermain (Sallis & Glanz, 2006). Tingkah laku dan keputusan individu mungkin mempunyai perkaitan dengan sumber-sumber persekitaran yang ada yang dapat meningkatkan atau mengurangkan tingkah laku aktiviti fizikal. Kawasan kejiranan yang tidak selamat boleh menyebabkan berlakunya penurunan dalam aktiviti rekreasi dan fizikal (Veitch, Salmon & Ball, 2010; Maddison, Hoorn, Jiang, Mhurchu, Exeter, Dorey, Bullen, Utter, Schaaf, & Turley, 2009) kerana masyarakat terancam dengan situasi yang merbahaya. Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak dalam aspek kehidupan termasuk amalan gaya hidup sihat. Kanak-kanak membesar dalam keluarga yang mempunyai corak pemakanan tidak sihat dan mengamalkan gaya hidup sedentari, akan berisiko untuk menjadi obes pada usia remaja (Arizona State Universiti, 2005).

Peranan utama sekolah ialah mendidik pelajar dalam bidang akademik, nilai-nilai murni, dan tanggung jawab sosial dalam usaha untuk membentuk potensi pelajar (Story, Nanney dan Schwartz 2009). Subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) merupakan subjek teras yang di ajar di sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia yang menitikberatkan aspek kesihatan secara menyeluruh. Aktiviti fizikal yang dijalankan dalam subjek PJK berupaya menyumbang kepada kesihatan jantung, tisu otot, mengurangkan risiko penyakit-penyakit kronik, dan meningkatkan nilai sendiri (Stellino dan Sinclair, 2014). Tekanan dan harapan daripada ibubapa untuk melihat kecemerlangan dalam peperiksaan awam menyebabkan subjek PJK tidak diberi perhatian yang serius dan berlaku penurunan penglibatan dalam aktiviti PJK (Raychaudhuri & Sanyal 2012). Status sosio ekonomi termasuklah pendidikan, pendapatan, dan tahap pekerjaan (Wang & Zhang, 2006). Wang (2001), melaporkan pendapatan keluarga dan lokasi kediaman mempunyai hubungan dengan risiko obesiti bagi kanak-kanak dan remaja. Mohd Ismail (2002) dan Sakinah, Seong-Ting, Rosniza, dan Jayah (2012), mendapati remaja yang tinggal di bandar cenderung menjadi obes. Hubungan ini mungkin dapat dilihat dari sudut pengambilan makanan yang cenderung mengamalkan pemakanan gaya barat yang mempunyai lemak dan kalori yang tinggi sebagai ganti kepada pemakanan bercorak tradisi. Selain daripada itu, populasi ini juga cenderung mengamalkan gaya hidup sedentari (Tesfalem, Singh, & Debebe 2013) seperti menonton televisyen berlebihan (Ferreira, Horst, Wendel-Vos, Kremers, van Lenthe & Brug, 2007) di atas sebab berkemampuan memiliki televisyen berbayar, komputer dengan akses internet berkelajuan tinggi, gajet elektronik, penggunaan kenderaan bermotor.

Faktor personal dan kognitif

Chivers (2010) termasuklah kecekapan motor individu, ilmu pengetahuan berkaitan dengan kesihatan, dan kecergasan fizikal. Kecekapan kemahiran motor adalah penguasaan kemahiran fizikal dan corak pergerakan yang memberi kesan kepada keseronokan dalam penyertaan aktiviti fizikal (Castelli & Valley 2007). Penglibatan yang sempurna remaja dalam aktiviti sukan dan permainan kerana kecekapan motor yang tinggi dan mampu meningkatkan kecergasan fizikal. Okely, Booth dan Chey (2004), mendapati kemahiran lokomotor mempunyai kaitan yang positif dengan Indeks Jisim Tubuh dalam kalangan remaja. Justeru, kanak-kanak atau remaja yang tidak mempunyai kemahiran motor yang baik sukar untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal atau permainan yang akan memberi kesan kepada peningkatan status berat badan. Kecergasan fizikal berkait rapat dengan penglibatan dalam aktiviti fizikal (McGuire & Ross 2011). Penglibatan dalam aktiviti fizikal secara konsisten akan meningkatkan tahap kecergasan fizikal. Tahap kecergasan fizikal dan tinggi merupakan faktor penting dalam mengekalkan berat badan dan mengurangkan risiko terhadap penyakit kardiovaskular (Lee, Blair dan Jackson 1999). Chen, Fox, Haase dan Wang (2006), mendapati bahawa tahap kecergasan fizikal kanak-kanak yang obes lebih rendah berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai status berat badan normal. Ini menunjukkan kecergasan fizikal merupakan elemen penting untuk mengekalkan berat badan ideal. Ilmu pengetahuan merupakan elemen penting untuk memahami dan mengurangkan tahap Indeks Jisim Tubuh (Wilson, 2009). Remaja yang mempunyai pengetahuan yang berkaitan dengan pemakanan telah menunjukkan sikap positif dalam tingkah laku pemakanan dan kualiti pemakanan yang positif. Gorden Larsen (2001) mendapati bahawa subjek yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah berkaitan dengan tingkah laku senaman turut mempunyai tahap aktiviti fizikal yang rendah. Kanak-kanak dan remaja yang tidak mengetahui risiko obes tidak akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang efektif.

KERANGKA TEORIKAL KAJIAN

Kerangka teoritikal kajian ini dibina bersandarkan kepada gagasan teori sosial kognitif yang dikemukakan oleh Bandura (1989). Menurut Bandura (1989), perubahan tingkah laku dipengaruhi dan dikawal oleh persekitaran, faktor personal, kognitif dan tingkah laku. Teori ini menjelaskan peri laku manusia secara timbal balik dan mempunyai kesinambungan antara ketiga-tiga faktor yang dinyatakan. Chivers (2010), faktor persekitaran merupakan gabungan persekitaran sosial dan fizikal yang merangkumi status sosio ekonomi, pendidikan, gaya keibubapaan, struktur keluarga, dan kemudahan samada di sekolah dan di rumah. Beberapa pengkaji melihat faktor persekitaran mungkin mempengaruhi corak pemakanan dan aktiviti seharian individu. Persekitaran yang terbina merangkumi jiran tetangga, jalan raya, bangunan, sumber makanan, dan kemudahan rekreasi (Glanz, Sallis, Saelens, & Frank, 2005). Persekitaran yang terbina memberi kesan kepada beberapa keputusan yang dibuat oleh individu setiap hari seperti makan makanan segera dengan kerap atau bersiar-siar di taman rekreasi. Saelens, Sallis, dan Frank (2003), individu akan lebih aktif jika tinggal di kawasan kejiranan yang mempunyai kemudahan rekreasi, pemandangan yang cantik, kawasan yang kepadatan penduduk tinggi. Bandura (2001) menjelaskan faktor individu adalah ciri-ciri personal dan kognitif yang dimiliki oleh setiap individu (kognitif, afektif, dan biologi) yang meliputi jantina, umur, etnik, pengetahuan, kemahiran, kecekapan motor, dan kecergasan fizikal. Menurut Chivers (2010) faktor individu meliputi faktor perinatal, pemakanan bayi, diet, perkembangan kanak-kanak, keupayaan motor, kecergasan fizikal. Pada umumnya faktor kognitif merujuk kepada ilmu pengetahuan yang dimiliki atau diperolehi oleh individu yang akan membentuk tingkah laku. Manakala Sharma, Mehan, dan Surabhi (2009) menyatakan konstruk utama teori sosial kognitif ialah efikasi sendiri. Efikasi sendiri merujuk kepada keupayaan untuk melakukan tingkah laku tertentu, jangkaan mengenai hasil yang diharapkan daripada tingkah laku yang diberi, dan kawalan diri atau matlamat yang ditetapkan untuk dirinya. Individu akan melakukan tindakan yang berbeza berdasarkan ciri-ciri fizikal seperti umur, saiz, bangsa, dan jantina (Lerner 1982).

Faktor personal menggambarkan ciri-ciri personal iaitu gender, umur, etnik, pengetahuan, kemahiran, dan tahap kecekapan motor, kecergasan fizikal dan efikasi sendiri. Barnett, Loughlin dan

Paradis (2002) mendapati bahawa tahap efikasi sendiri yang rendah dalam aktiviti fizikal memberi kesan negatif dalam penyertaan dalam pasukan sekolah. Ini menyebabkan berlaku kekurangan dalam penglibatan aktiviti fizikal dan meningkatkan kadar menonton televisyen. Menurut Bandura (1986), Teori Sosial Kognitif mengandaikan bahawa tingkah laku adalah hasil daripada interaksi antara proses kognitif individu dan persekitaran. Bandura (1989) menjelaskan bahawa interaksi antara faktor personal dan tingkah laku adalah dipengaruhi oleh pemikiran dan tindakan individu tersebut. Pemikiran, kepercayaan, dan perasaan akan membentuk perilaku individu. Davis (2006), tingkah laku adalah dipengaruhi oleh pemikiran dan tindakan individu, rakan sebaya, dan struktur sosial. Chivers (2010) mengkategorikan faktor tingkah laku pula merangkumi aktiviti fizikal, masa menonton, persepsi sendiri, sikap, dan nilai. Sharma, Wagner, dan Wilkerson (2006) tingkah laku dan gaya hidup telah dikenalpasti sebagai faktor yang berisiko bagi kanak-kanak dan dewasa dalam meramal kewujudan obesiti. Berdasarkan kajian-kajian lepas tingkah laku merupakan antara faktor penyumbang kepada kewujudan obesiti (Collins & Bentz, 2009; Dehghan, Danesh dan Merchant, 2005; Tremblay dan Willms, 2003).

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan rentasan dan korelasi yang menggunakan soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik membangunkan instrumen peramal faktor obesiti dalam konteks populasi kajian dengan mengadaptasi beberapa instrumen yang sedia ada yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dalam kajian obesiti. Tiga set instrumen soal selidik sedia ada yang diadaptasi oleh penyelidik ialah *Physical Activity Questionnaire for Adolescent* (Kowalski, Crocker & Donen, 1997), *The Adolescent Sedentary Activity Questionnaire* (Hardy, Booth & Okely, 2007), dan *Nutrition and Physical Activity Survey* (Ickes, 2011). Instrumen yang dibangunkan oleh penyelidik adalah berbentuk soalan tertutup. Penyelidik menggunakan Skala Likert lima markat dimana respon yang lebih tinggi menunjukkan tahap perlakuan dan sikap yang positif. (i) 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju, 4- setuju, 5- sangat setuju digunakan untuk menguji kepercayaan dan pendapat.

Langkah pembinaan instrumen peramal faktor obesiti

Kunci utama dalam menentukan kualiti sesuatu instrumen pengukuran ialah kesahan dan kebolehpercayaan (Kimberlin & Winterstein, 2008). Menurut Ahmad Hashim, (2015) tanpa nilai-nilai kesahan dan kebolehpercayaan data atau maklumat yang diperolehi melalui pengukuran itu adalah tidak sah. Proses pembangunan instrumen yang dijalankan oleh penyelidik adalah berdasarkan ubah suai model oleh Feren, Torheim & Lillegaard (2011) yang membangunkan instrumen soal selidik berkaitan Pengetahuan Pemakanan dalam Kalangan Orang Dewasa yang Obes.

Fasa 1- Mengenal pasti skop dan struktur

Konstruk dikenal pasti dan dibentuk melalui dua pendekatan, iaitu (i) berdasarkan analisis dokumen dengan membuat kajian literatur melalui integrasi model dan teori-teori berkaitan faktor-faktor peramal obesiti (ii) perbincangan secara mendalam dengan pakar-pakar pemakanan, pakar aktiviti fizikal, dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Hasil daripada pendekatan ini maka pengkaji telah menggariskan beberapa gagasan utama untuk membina soal selidik bagi meramal obesiti. Instrumen ini dibahagikan kepada dua set iaitu set pertama untuk diedarkan kepada pelajar, manakala set kedua untuk dijawab oleh ibubapa pelajar yang terpilih sebagai subjek kajian. Instrumen set pertama mengandungi gagasan (1) faktor demografi; (2) faktor persekitaran; (3) faktor tingkah laku, dan (4) faktor personal

Fasa 2- Pembinaan item soal selidik

Berdasarkan kajian literatur dan pemilihan gagasan utama, penyelidik telah mengumpulkan tiga soal selidik yang sedia ada berkaitan dengan pemakanan, aktiviti fizikal dan gaya hidup sedentari. Sebelum memilih item-item yang bersesuaian, penyelidik telah menyenaraikan semua item-item yang diperolehi daripada tiga soal selidik terdahulu dan hanya memilih item-item yang menepati gagasan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Berdasarkan panduan dan kriteria pembinaan item oleh Chua, (2006), dan DeVelles (1991), penyelidik membuat saringan terhadap item-item tersebut dengan melihat kesesuaian item dan gagasan. Disamping itu, penyelidik akan mengeluarkan mana-mana item yang berulang.

Di antara panduan yang digunakan oleh penyelidik dalam membangunkan item ialah memastikan penggunaan bahasa dan perkataan yang sesuai dengan tahap keupayaan intelek sampel kajian. Menurut Chua (2006), bahasa yang sukar difahami menyebabkan keputusan kajian menjadi kurang tepat kerana disebabkan timbulnya ralat pengukuran. Perkataan yang dipilih merupakan perkataan yang jelas maksudnya dan tidak menimbulkan sebarang keraguan. Manakala ayat yang digunakan dalam item merupakan ayat yang ringkas dan mudah difahami. Menurut DeVelles (1991), penggunaan ayat yang panjang akan meningkatkan aras kesukaran. Penyelidik juga mengelakkan daripada menggunakan perkataan atau ayat yang mempunyai pelbagai maksud, perkataan yang terlalu spesifik atau terlalu luas maknanya. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam setiap item haruslah tepat kerana ia membantu penyelidik untuk memperolehi maklumat yang tepat pada konsep yang ingin diukur Chua (2006). Manakala penggunaan perkataan dan ayat yang mempunyai pelbagai maksud menyebabkan berlaku kekeliruan dan menyukarkan sampel untuk memberi respon yang tepat (DeVelles, 1991). Penyelidik juga memastikan setiap item yang digunakan berbentuk uni-dimensi iaitu mengelakkan penggunaan perkataan “dan”. Menurut Chua (2006), perkataan “dan” akan menimbulkan kekeliruan dari makna. Item-item tersebut perlu dielakkan kerana ianya akan menyukarkan sampel untuk memberi jawapan yang tepat. Dalam proses pembinaan item, penyelidik mengelakkan daripada menggunakan perkataan yang boleh menjejaskan perasaan subjek seperti item berkaitan dengan pendapatan ibubabapa. Chua (2006), mencadangkan item berkaitan dengan pendapatan perlu dibentuk dalam kaedah sela-sela gaji kerana mungkin ada di antara subjek yang tidak selesa memberitahu gaji bulanan mereka. Pengesahan pakar penting kerana ianya mampu memberi pengesahan berkaitan dengan item yang dibangunkan oleh seseorang penyelidik (DeVelles, 1991). Kesahan kandungan diperolehi daripada tujuh orang pakar terdiri daripada pakar bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, pakar bidang berkaitan iaitu pemakanan, aktiviti fizikal, dan pegawai penyelidik dari Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia. Proses kesahan ini dilakukan untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa serta kejelasan maksud item. Penyelidik telah merujuk kepada pakar Bahasa Inggeris yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan pensyarah Jabatan Bahasa-Bahasa Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. Manakala pakar Bahasa Melayu pula merupakan dua orang pensyarah cemerlang daripada Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru, Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. Penyelidik telah membuat terjemahan item-item yang perlu secara ‘*back translation*’ dengan pakar-pakar bahasa. Bantuan daripada pakar amat penting untuk menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman item agar maksud dalam instrumen asal tidak tersasar daripada makna yang diberikan. Dua orang pensyarah dari Unit Sains Sukan, Universiti Sains Malaysia telah menilai kandungan berkaitan dengan tingkah laku aktiviti fizikal dan pemakanan. Berdasarkan formula yang dikemukakan oleh Sidek Mohd Noh dan Jamaludin Ahmad (2005) nilai pekali kesahan kandungan ialah $r = .87$ bagi pakar bidang dan $r = .83$ bagi pakar bahasa. Menurut Sidek Mohd Noh dan Jamaludin Ahmad (2005) nilai pekali .70 ke atas menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

Fasa 3 - Menjalankan kajian kesahan item dalam gagasan dan kebolehpercayaan instrumen peramal faktor obesiti.

Kajian fasa ini dilakukan untuk memastikan instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan item dalam gagasan atau atau sebaliknya. Bilangan saiz sampel dalam kajian ini ialah berjumlah 142 orang dengan 72 lelaki dan 70 perempuan yang yang berumur 13 hingga 14 tahun dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kg Jawa, Klang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah, Klang, Selangor. Sampel dalam kajian ini dipilih berdasarkan persampelan rawak mudah. Menurut Ahmad Hashim (2014), jumlah bilangan sampel bagi menjalankan analisis faktor seramai 100 orang sudah boleh diterima. Walaupun terdapat pelbagai pendapat tentang bilangan saiz sampel analisis faktor, kebanyakan pakar-pakar mendapati bilangan saiz sampel di bawah 100 orang menghasilkan keputusan yang tidak stabil (Di Lorio, 2005). Penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah terlibat bagi menjalankan kajian

DAPATAN KAJIAN

